

# Robani, Roslinda atlet terbaik UPM

PUTRAJAYA 10 April – Atlet olahraga kebangsaan, Mohd. Robani Hassan dan Roslinda Samsu telah dipilih sebagai Olahragawan dan Olahragawati Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-26 dalam majlis anugerah sukan UPM baru-baru ini.

Robani dan Roslinda turut menerima anugerah Olahragawan dan Olahragawati Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2008 di Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 4 April lalu.

Robani merupakan atlet 110 meter lompat berpagar dan pelajar tahun akhir Sarjana Muda Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan manakala Roslinda Samsu ialah atlet lompat bergalah dan pelajar tahun tiga Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Jasmani), Fakulti Pengajian Pendidikan UPM.

Robani dan Roslinda turut menerima wang tunai RM1,000, piala,

jam tangan, sijil, dan blazer.

Robani berkata, dia bersyukur menerima dua anugerah dalam masa seminggu selepas menerima anugerah sukan Masum pada minggu lepas dan akan menjadikan penganugerahan tersebut sebagai suntikan untuk lebih maju pada masa depan.

Roslinda pula berkata, dia gembira kerana menerima anugerah yang sama selepas dinobatkan sebagai Olahragawati Masum dan mengucapkan terima kasih kepada UPM kerana banyak membantu dan memberi sokongan kepadanya.

Majlis yang berlangsung di Hotel Marriott di sini turut menyaksikan pelajar tahun satu Sarjana Muda Sains Pembangunan Sumber Manusia dan merupakan atlet hoki negara, Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil dianugerahkan Olahragawan Harapan UPM.



**MOHD. Robani Hassan (belakang, enam dari kiri) dan Roslinda Samsu (belakang, tujuh dari kiri) bersama penerima anugerah sukan UPM dan pegawai UPM di Putrajaya baru-baru ini.**